**PELAJARAN 13 : KESENIAN MENURUT ISLAM**

**BAHAGIAN A (20 MARKAH)**

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

**Soalan 1 hingga Soalan 5 (Isi tempat kosong)**
Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

1 Kesenian Islam bermaksud aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan______________________ manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak. 1

2 Kesenian adalah sesuatu yang indah dan sesuai dengan ____________________ dan naluri manusia. 1

3 Kesenian Islam adalah bersifat ______________________meliputi fizikal dan kerohanian yang boleh membentuk peribadi seseorang agar berakhlak mulia. 1

4 Kepentingan adab dan __________________kesenian menurut Islam adalah bertujuan untuk memperlihatkan dan menyakini Allah SWT sebagai yang Maha Mencipta sesuatu. 1

.

5 Banyak perkara______________________akan berlaku sekiranya adab dan etika kesenian Islam diabaikan dalam kehidupan. 1

**Soalan 6 hingga soalan 8**
*Tuliskan jawapan yang betul berdasarkan carta di bawah.*

| **KONSEP KESENIAN ISLAM** |
|---|
| $ |
| **M** |
| Berteraskan syariat Islam |
| **N** |
| Bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan kerohanian |
| **O** |

6 **M** ialah …………………………………………………………

7 **N** ialah …………………………………………………………

8 **O** ialah …………………………………………………………..

LIVEWORKSHEETS

Untuk kegunaan Pemeriksa

**Soalan 9 hingga soalan 14**

*Lengkapkan jadual di bawah mengenai adab dan etika kesenian Islam.*

| ADAB DAN ETIKA KESENIAN ISLAM |
|---|

$

| |
|---|
| Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan |
| Hasil seni tidak bercanggah dengan ……**P**……… |
| Kesenian yang berteraskan nilai ……….**Q………** |
| Memelihara …………**R**……… wajib semasa berkarya |
| Mencipta karya yang …….**S**................. |
| Sederhana dan tidak melampaui ……….**T**……… |
| Tiada unsur merosakkan ……**U ..........**dan maksiat |
| Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain |

9 **P** ialah 1

10 **Q** ialah 1

11 **R** ialah 1

12 **S** ialah 1

13 **T** ialah 1

14 **U** ialah 1

Untuk kegunaan Pemeriksa

LIVEWORKSHEETS

**Soalan 15 hingga soalan 20**

**Tandakan (√) pada penyataan yang betul. Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.**

15 Kesenian dalam kehidupan menurut Islam mendorong seseorang mengagungkan sesuatu selain Allah SWT. 1

16 Islam menggalakkan umatnya berkarya yang tidak bercanggah dengan nilai akhlak Islam. 1

17 Islam tidak menolak kesenian selagi ianya digunakan untuk kebaikan kepada masyarakat. 1

18 Menjadikan patung manusia dan haiwan sebagai hiasan di rumah dibenarkan sebagai menghargai karya seni. 1

19 Nasyid dan qasidah adalah satu cabang seni suara yang dibenarkan kerana boleh membentuk peribadi yang baik. 1

20 Islam membenarkan pelbagai bentuk fesyen pakaian selagi tidak mendedahkan aurat. 1



LIVEWORKSHEETS